Kuwait Finance House بيت التمويل الكويتي

# KFH DEBIT CARD-i - PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the **KFH DEBIT CARD-i**. Be sure you also read the general terms and conditions.)

Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (KFH Malaysia)
KFH DEBIT CARD-i
Date:18 March 2020

## 1. What is this product about?

The KFH Debit Card-i is a payment instrument which allows you to pay for goods and services from your deposit account at participating retail and service outlets. You are required to maintain a deposit account with us of which, to be linked to your KFH Debit Card-i (i.e: Designated Account). If you close this account, KFH Debit Card-i will be cancelled.

## 2. What is the applicable Shariah concept?

The product is structured based on the concept of Wakalah and Ujrah. Under this structure, both concepts refer to payment of a service fee in exchange for services rendered where KFH Malaysia will charge fees on the Card services. The fees that are chargeable under this Card are inclusive of annual fee, replacement card fee, cash withdrawal fee and other administration fees.

Some of the services, benefits and privileges of the Card are as follows:
a. To facilitate the purchase of halal goods and services from authorized merchants; and/or
b. To facilitate cash withdrawals at various ATMs; and/or
c. To facilitate the operation of the account.

## 3. What are the features of this product?

- Principal Cardmembers can request for a Supplementary Card for their loved ones (e.g children above 12 years old) and determine the daily spend limit of their young Supplementary Cardmembers to inculcate good saving and spending habits
- 10% cashback on first retail spend for Principal Cardmember (capped at RM20) and first Supplementary Cardmember (capped at RM10)
- 0.5% cashback (capped at RM50 monthly) on all subsequent eligible retail spend (credited into the account that linked to your KFH Debit Card-i)

## 4. What are the fees and charges I have to pay?

| Item | Principal Debit Card-i | Supplementary Debit Card-i |
|---|---|---|
| Annual Fee | RM12.00 | RM10.00 |
| Cash Withdrawal | • No charge at all KFH Malaysia ATMs<br>• RM1.00 per withdrawal for other MEPS ATMS<br>• RM12.00 per withdrawal at all other ATMS via Visa network | |
| Overseas Transaction Conversion Fee | The conversion rate as determined by VISA International plus an administration fee of up to 1%. | |
| Card Replacement Fee | RM15 | RM10 |
| Sales Draft Retrieval Fee | Service fee of RM20.00 | |
| Additional Statement Request Fee | RM2.00 per page | |

All fees and charges stated above are inclusive of any taxes, where applicable.

## 5. What are the key terms and conditions?

<u>Pre-authorisation for payment using KFH Debit Card-i</u>
Pre-authorisation amount of RM200 will be charged to your account that linked to your KFH Debit Card-i when you purchase petrol at any automated fuel dispenser (outdoor pump/island). KFH Malaysia will only post the exact amount of petrol purchase and to release any extra amount of money being held from your Designated Account up to three (3) working days after the transaction date.

<u>Monthly e-Statement</u>
The records and entries in the monthly e-statement shall be deemed to be correct and binding on the Cardmember unless written notice to the contrary is given to KFH Malaysia by the Cardmember within fourteen (14) calendar days from the date of the monthly e-statement.

<u>Contactless</u>
No PIN or signature is required for contactless transactions of up to RM250 in single receipt.

The cumulative contactless transaction limit is defaulted at RM1,000 daily and once reached (daily threshold), the Cardmember is required to perform PIN entry at the Point-of-Sale (POS) terminal.

<u>Annual Fee</u>
Annual Fee is chargeable on yearly basis during the Card Anniversary and Cardmember is to retain the minimum balance of RM22 in your account that linked to your card for Annual Fee debiting purposes.

<u>eCommerce & Overseas Transactions</u>
To enable the KFH Debit Card-i acceptance at non-secured eCommerce sites or Overseas, the Cardmember is required to call Contact Centre (1300 888 534) to opt-in for these services.

## 6. What if I fail to fulfill my obligation?

- You will be liable for PIN-based unauthorised transactions if you have:
    - acted fraudulently;
    - delayed in notifying the Bank as soon as reasonably practicable after having discovered the loss or unauthorised use of your KFH Debit Card-i;
    - voluntarily disclosed your PIN to another person; or
    - recorded your PIN on the KFH Debit Card-i, or on anything kept in close proximity with your debit card-i.

- You will be liable for unauthorised transactions with the usage of contactless card, if you have:
    - acted fraudulently;
    - delayed in notifying us as soon as reasonably practicable after having discovered the loss or unauthorised use of your debit card-i;
    - left your KFH Debit Card-i or an item containing your KFH Debit Card-i unattended in places visible and accessible to others; or
    - voluntarily allowed another person to use your KFH Debit Card-i.

The cardmember shall at all times ensure that there is sufficient balance in account that linked to your KFH Debit Card-i to pay for any fees and/or charges due to KFH Malaysia in order to continue to enjoy the usage of the Card. The cardmember agrees that any fees and/or charges due from the cardmember shall be debited to the account that linked to your KFH Debit Card-i and will be reflected in the statement. Any fees and/or charges paid by the cardmember is not to be refundable under any circumstances.

## 7. What are the risks involved?

The risk of your card being stolen or lost. You should notify us immediately after having discovered the loss or unauthorized use of your KFH Debit Card-i.

## 8. What should I do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

## 9. Where can I get further information?

If you have any enquiries, please contact us at:

| | |
|---|---|
| Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad<br>Level 24, Menara Prestige<br>No.1, Jalan Pinang<br>50450 Kuala Lumpur<br>Malaysia | General Line : +603 21680000<br>General Fax : +603 2168 0001<br>Contact Centre : 1300 888 534<br>Website : kfh.com.my |

## 10. Other Debit Card packaged available

- Not applicable

*The information provided at this disclosure sheet is valid as at 18 March 2020.*

Kuwait Finance House

## KFH KAD DEBIT-i - LAMPIRAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **KFH KAD DEBIT-i**. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am produk ini.)

Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (KFH Malaysia)
**KFH KAD DEBIT-i**

Tarikh: 18 Mac 2020

## 1. Apakah produk ini?

KFH Kad Debit-i ialah instrumen pembayaran yang membolehkan pembayaran barangan dan/atau perkhidmatan di kedai runcit dan institusi perkhidmatan daripada akaun deposit anda. Anda dikehendaki untuk membuka satu akaun deposit dengan kami, yang akan ditetapkan pada KFH Kad Debit-i anda (iaitu: Akaun Tentuan). Jika anda menutup akaun deposit ini, KFH Kad Debit-i anda akan dibatalkan.

## 2. Apakah konsep Shariah produk ini?

Produk ini berdasarkan konsep Wakalah dan Ujrah. Di bawah konsep ini, kedua-duanya merujuk kepada bayaran yuran perkhidmatan sebagai pertukaran untuk perkhidmatan yang diberikan di mana KFH Malaysia akan mengenakan caj yuran pada perkhidmatan Kad anda. Yuran yang dikenakan di bawah Kad ini termasuk yuran tahunan, yuran kad gantian, yuran pengeluaran tunai dan yuran pentadbiran lain.

Antara perkhidmatan, faedah dan keistimewaan Kad ini adalah seperti berikut:

a. Untuk memudahkan pembelian barangan dan perkhidmatan halal daripada peniaga yang sah dan/atau
b. Untuk memudahkan pengeluaran wang tunai di pelbagai ATM dan/atau
c. Untuk memudahkan operasi akaun.

## 3. Apakah ciri-ciri produk ini?

- Ahli Kad Prinsipal boleh memohon Kad Tambahan untuk yang tersayang (cth: anak berumur 12 tahun keatas) dan fmenentukan had perbelanjaan harian pada Ahli Kad Tambahan yang muda, untuk memupuk amalan bijak berbelanja
- 10% pulangan tunai untuk pembelian runcit yang pertama untuk Ahli Kad Prinsipal (dihadkan pada RM20) dan Ahli Kad Tambahan pertama (dihadkan pada RM10).
- 0.5% pulangan tunai (dihadkan pada RM50 sebulan) untuk semua pembelian runcit yang layak (dikreditkan ke dalam akaun yang ditetapkan pada KFH Kad Debit-i anda).

## 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

| Perkara | KFH Kad Debit-i | Kad Debit-i Tambahan |
|---|---|---|
| Yuran Tahunan | RM12.00 | RM10.00 |
| Pengeluaran Wang | • Tiada caj di semua ATM KFH Malaysia.<br>• RM1.00 setiap pengeluaran dari MEPS ATM lain.<br>• RM12.00 setiap pengeluaran dari semua ATM lain melalui rangkaian VISA. | |
| Yuran Tukaran Bagi Transaksi Luar Negara | Kadar pertukaran mata wang asing yang ditentukan oleh Visa International berserta dengan bayaran perkhidmatan sebanyak 1%. | |

| | | |
|---|---|---|
| Yuran Kad Gantian | RM15 | RM10 |
| Yuran Cetak Semula Deraf Jualan | Yuran servis sebanyak RM20.00 | |
| Yuran Percetakan Semula Penyata Tambahan | RM2.00 setiap muka surat | |

Semua yuran dan caj yang dinyatakan di atas adalah termasuk semua cukai , yang mana berkenaan.

## 5. Apakah terma dan syarat yang penting?

**Jumlah pra-sah guna bagi KFH Kad Debit-i**

Jumlah pra-sah guna RM200 akan dicajkan ke akaun yang ditetapkan pada KFH Kad Debit-i anda apabila anda membuat pembelian petrol di mana-mana pam otomatik di luar stesen. KFH Malaysia hanya akan pos amaun sebenar pembelian petrol dan mengembalikan amaun wang berlebihan yang ditahan dari akaun deposit anda dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh transaksi.

**E- Penyata Bulanan**

Rekod dan penyataan dalam e-penyata bulanan hendaklah dianggap tepat dan mengikat Ahli Kad melainkan jika Ahli Kad mengemukakn notis bertulis dan diberikan kepada KFH Malaysia dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh e- penyata.

**Transaksi Tanpa Sentuh**

Tiada PIN atau tandatangan diperlukan untuk transaksi tanpa sentuh sehingga RM250 dalam satu resit.

Had urusniaga terkumpul kumulatif transaksi tanpa sentuh adalah pada RM1,000 setiap hari dan sebaik sahaja mencapai had terkumpul transaksi tanpa sentuh (had harian), Ahli Kad dikehendaki melakukan transaksi menggunakan PIN di terminal “Point-of-Sale” (POS).

**Yuran Tahunan**

Yuran Tahunan akan dikenakan setiap tahun pada hari ulangtahun kad. Ahli Kad hendaklah mengekalkan baki minimum didalam akaun yang ditetapkan pada KFH Kad Debit-i anda sebanyak RM22 untuk tujuan pengdebitan Yuran Tahunan.

**Transaksi Dalam Talian & Transaksi Luar Negara**

Untuk membolehkan penerimaan Kad Debit KFH-i di laman web bukan “3D Secure” atau Transaksi Luar Negara, Ahli Kad hendaklah menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan (1300 888 534) untuk membuat pilihan meneruskan transaksi ini.

## 6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

- Anda akan bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran yang berasaskan PIN jika anda telah:
  - melakukan penipuan;
  - lambat memberitahu Bank secepat yang dapat dilaksanakan selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran KFH Kad Debit-i anda;
  - secara sukarela mendedahkan PIN anda kepada orang lain; atau
  - merekodkan PIN pada KFH Kad Debit-i anda, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan KFH Kad Debit-i anda.

- Anda akan bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran dengan kad tanpa sentuh jika anda telah:
  - melakukan penipuan;
  - lambat memberitahu Bank secepat yang dapat dilaksanakan selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran KFH Kad Debit-i anda;
  - meninggalkan KFH Kad Debit-i anda atau item yang mengandungi kad debit-i tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
  - secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan KFH Kad Debit-i anda.

Ahli Kad hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa terdapat baki yang mencukupi di dalam akaun yang ditetapkan pada KFH Kad Debit-i anda untuk membayar apa-apa yuran dan/atau caj yang kena dibayar kepada KFH Malaysia untuk terus menikmati penggunaan Kad. Ahli Kad bersetuju bahawa apa-apa yuran dan/atau caj yang kena dibayar oleh Ahli Kad akan didebitkan kepada akaun yang ditetapkan pada KfH Kad Debit-i anda dan akan dipaparkan dalam kenyataan itu. Apa-apa yuran dan/atau caj yang dibayar oleh ahli kad tidak boleh dibayar balik dalam apa jua keadaan.

## 7. Apakah risiko utama?

Risiko kad anda dicuri atau hilang. Anda perlu memaklumkan kepada Bank dengan serta merta selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran KFH Kad Debit-i anda.

## 8. Apakah perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran saya?

Anda perlu memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan terhadap butiran anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

| | |
|---|---|
| Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad<br>Tingkat 24, Menara Prestige<br>No.1, Jalan Pinang<br>50450 Kuala Lumpur<br>Malaysia | Tel : +603 21680000<br>Faks : +603 2168 0001<br>Khidmat Pelanggan : 1300 888 534<br>Laman Web : kfh.com.my |

## 10. Pakej kad debit-i lain yang disediakan

- Tidak berkenaan

*Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah sah setakat 18 Mac 2020.*